

Wang KWSP merosot RM2.2b sejak SPPK diperkenalkan

KUALA LUMPUR 20 Ogos — Jumlah wang caruman Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP) menyusut secara mendadak iaitu kira-kira RM2.2 bilion sehingga hari ini sejak Skim Pengeluaran Pembelian Komputer (SPPK) diperkenalkan pada Julai tahun lepas.

Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Senator Zainal Rampak mendakwa, pengurangan tersebut berlaku kerana KWSP telah tersasar daripada matlamat asal penubuhannya sebelum ini.

“Oleh itu, pembatalan SPPK oleh kerajaan semalam adalah langkah yang betul bagi mengembalikan fokus kumpulan itu selaras dengan moto iaitu *Simpanan Untuk Hari Tua Anda*,” katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas keputusan kerajaan semalam yang membatalkan SPPK berkuat kuasa serta merta.

Pengerusi Lembaga KWSP, Tan Sri Abdul Halim Ali berkata, SPPK wajar dibatalkan memandangkan kebanyakan daripada pencarum telah menyalahgunakan pengeluaran dengan tidak membeli komputer.

KWSP sebelum itu telah menggantung SPPK selama tiga bulan mulai 27 Jun lalu bagi membolehkan kajian lengkap mengenai keberkesanan skim itu ekoran daripada beberapa kegiatan penyelewengan yang telah dikenal pasti di bawahnya.

Penyelewengan

Pada Julai lalu Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr. Shafie Mohd. Salleh membuat kenyataan untuk memansuhkan skim itu berikutan timbulnya banyak penyelewengan sehingga mendukacitakan Perdana Menteri, Datuk Seri. Dr. Mahathir Mohamad.

Dalam pada itu, Zainal yang turut mengalu-alukan pembatalan SPPK menasihatkan agar KWSP tidak mengabaikan tugas mereka sebagai agensi yang menyimpan dana para pekerja.

“Wang itu adalah untuk kegunaan selepas bersara, jadi KWSP perlu memelihara tanggungjawab dan kepercayaan orang ramai,” katanya.

Menurut beliau, KWSP tidak perlu membuat perancangan semata-mata untuk menguntungkan ahli perniagaan yang rakus memungut keuntungan cepat daripada 9.5 juta orang pencarumnya.